

Kaji larangan eksport topeng muka

Permintaan meningkat, pengeluar diminta utama keperluan tempatan

Oleh Mohd Roji Kawi
mdröji@nstp.com.my

Kuching: Pengilang topeng muka tempatan akan dilarang daripada mengeksport barangan berkenaan sebaliknya menggesa mereka mengutamakan pengeluaran untuk keperluan domestik rakyat negara ini.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata langkah itu sedang diteliti berikutan permintaan tempatan yang semakin meningkat berikutan penurunan jangkitan coronavirus (COVID-19).

Selain itu, katanya, langkah berkenaan juga dicadangkan beriku-

tan kesukaran untuk mendapatkan material atau bahan mentah bagi menghasilkan topeng muka.

"Material untuk menghasilkan topeng muka tidak diperolehi di negara kita, sebaliknya ia perlu diimport dari China dan beberapa negara Eropah.

"Kini ia semakin sukar diperolehi berikutan permintaan topeng muka yang meningkat di seluruh dunia," katanya pada sidang media selepas melakukan tinjauan di pasar raya Ta Kiong, di kompleks The Spring, di sini, semalam.

Nanta berkata, ketika ini, terdapat hanya empat pengilang yang menghasilkan produk topeng muka di negara ini.



Alexander (tiga dari kanan) memeriksa bekalan gula di pasar raya Ta Kiong di kompleks The Spring, Kuching semalam. (Foto BERNAMA)

"Kita mahu mereka meningkatkan pengeluaran dan memberi tumpuan untuk bekalan keperluan tempatan.

"Topeng muka ini diperlukan di seluruh dunia ketika ini, namun pengilang harus mengutamakan pengguna tempatan," katanya.

Selain itu, beliau turut menggesa peniaga dan pembekal supaya tidak menjual topeng muka dalam kuantiti yang banyak ke-

pada orang perseorangan.

"Kita tidak mahu apabila individu membeli sekotak besar topeng muka, ia akan menjejaskan orang lain yang turut memerlukan barangan berkenaan," katanya.

Sementara itu, beliau turut memberi amaran kepada peniaga dan pembekal tidak mengambil kesempatan menaikkan harga topeng muka berikutan permintaan

yang meningkat mendadak.

"Topeng muka termasuk dalam senarai barang kawalan dan Kementerian tidak berkompromi dengan peniaga atau pembekal yang sengaja mengaut untung dengan menaikkan harga.

"Penguat kuasa kami akan melakukan pemeriksaan berterusan untuk memastikan tiada pelanggaran terhadap peraturan ini," katanya.

Sabtu, 14 March 2020 | 4:06pm



Permintaan topeng penutup mulut dan hidung semakin meningkat di seluruh dunia berikutan COVID-19. -Foto NSTP/ Gambar hiasan

Kaji larang eksport topeng mulut

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@nstp.com.my

KUCHING: Kerajaan dijangka melarang pengilang topeng mulut tempatan daripada mengeksport barangan berkenaan sebaliknya menggesa mereka mengutamakan pengeluaran untuk keperluan dalam negara.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Alexander Nanta Linggi, berkata langkah itu sedang diteliti berikutan permintaan tempatan yang semakin meningkat berikutan penularan jangkitan COVID-19.

Selain itu katanya, langkah berkenaan juga dicadangkan berikutan kesukaran untuk mendapatkan material bagi menghasilkan topeng mulut.

"Material untuk menghasilkan topeng mulut tidak diperolehi di negara kita, sebaliknya ia perlu diimport dari China dan beberapa negara Eropah.

"Kini ia semakin sukar diperolehi berikutan permintaan topeng mulut yang meningkat di seluruh dunia," katanya pada sidang media selepas melakukan tinjauan di pasar raya Ta Kiong, di kompleks The Spring, di sini, hari ini.

Nanta berkata, ketika ini terdapat hanya empat pengilang yang menghasilkan produk topeng mulut di negara ini.

"Kita mahu mereka meningkatkan pengeluaran dan memberi tumpuan untuk bekalan keperluan tempatan.

"Topeng mulut diperlukan di seluruh dunia ketika ini, namun pengilang harus mengutamakan pengguna tempatan," katanya.

Selain itu, beliau turut menggesa peniaga dan pembekal supaya tidak menjual topeng mulut dalam kuantiti yang banyak kepada orang perseorangan.

"Kita tidak mahu apabila individu membeli sekotak besar topeng mulut, ia akan menjejaskan orang lain yang turut memerlukan barangan itu," katanya.

Sementara itu, beliau turut memberi amaran kepada peniaga dan pembekal agar tidak mengambil kesempatan menaikkan harga topeng mulut berikutan permintaan yang meningkat mendadak.

"Topeng muka termasuk dalam senarai barang kawalan dan Kementerian tidak berkompromi dengan peniaga atau pembekal yang sengaja mengaut untung dengan menaikkan harga.

"Penguat kuasa kami akan melakukan pemeriksaan berterusan untuk memastikan tiada pelanggaran terhadap peraturan ini," katanya.

